



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***HUJAHAN 'LUAHAN RASA' DALAM AKHBAR
BERBAHASA TAMIL TERPILIH***

THANALACHIME PERUMAL

FBMK 2015 57



**HUJAHAN 'LUAHAN RASA' DALAM AKHBAR
BERBAHASA TAMIL TERPILIH**

Oleh

THANALACHIME PERUMAL

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah**

Mei 2015

Abstrak tesis ini dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

HUJAHAN LUAHAN RASA DALAM AKHBAR BERBAHASA TAMIL TERPILIH

Oleh

THANALACHIME A/P PERUMAL

Mei 2015

Pengerusi : **Profesor Madya Paramasivam Muthusamy, PhD**
Fakulti : **Bahasa Moden dan Komunikasi**

Kajian ini memfokuskan wacana hujahan 'luahan rasa' yang digunakan dalam surat akhbar berbahasa Tamil untuk membincangkan isu masyarakat minoriti di negara ini. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti isu semasa melalui hujahan 'luahan rasa' dan membincangkan serta membandingkan persamaan dan perbezaan hujahan 'luahan rasa' dalam akhbar berbahasa Tamil. Analisis teks ini dijalankan secara kajian kualitatif. Data dianalisis secara deskriptif menggunakan kerangka teori van Dijk (2008a). Sebanyak lima isu semasa berkaitan masyarakat minoriti, iaitu Isu Kematian dalam Lokap, Masalah Pengajian India di Jabatan Pengajian India di Universiti Malaya, Pilihan raya, Isu Lembah Bujang dan Perayaan Thaipusam yang ditulis secara hujahan menjadi bahan kajian. Semua teks yang dipilih ditulis oleh penulis tempatan dalam empat buah akhbar Tamil tempatan, iaitu Tamil Nesan, Makkal Osai, Malaysia Nanban, dan Thinakkural. Keempat-empat akhbar ini merupakan penyebar berita utama dalam kalangan masyarakat India secara meluas di negara ini. Teks hujahan dipilih secara rawak dari September 2012 hingga Januari 2014 mengikut keperluan. Sebanyak 56 buah teks dipilih sebagai bahan kajian. Tempoh masa ini menjadi pilihan kerana 2013 ialah tahun pilihan raya, maka banyak isu berkaitan masalah minoriti ditulis secara hujahan dalam akhbar bahasa Tamil. Dapatan kajian menunjukkan bahawa walaupun tema teks sama, namun terdapat persamaan dan perbezaan dari segi penggunaan wacana oleh setiap penulis. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa penulis menggunakan pelbagai corak wacana seperti wacana deskriptif, wacana naratif, perbincangan dan lakuan tutur untuk menyampaikan penghujahan masing-masing. Penggunaan jenis wacana dan struktur juga berbeza berdasarkan tujuan penulis. Dalam teks hujahan 'luahan rasa' penulis cuba mendekati para pembaca secara subjektif, iaitu penulis behujah secara beremosi. Cara ini bertentangan dengan ciri wacana teks hujahan. Di samping itu, teks hujahan 'luahan rasa' juga kerap menggunakan struktur cakap pindah untuk menyatakan pendapat seseorang. Penulis juga cenderung menggunakan metafora bagi mengajak khalayak berfikir, membuat perbandingan dalam konsep budaya dan bahasa melalui gagasan yang berorientasikan keindahan bahasa. Bahasa kiasan dan metafora jarang digunakan dalam teks hujahan kerana hujahan diberikan berdasarkan bukti. Diharapkan kajian ini dapat menyumbang kepada bidang analisis wacana serta

menjadi pendorong kepada para pengkaji yang ingin menerokai bidang ini dengan lebih mendalam lagi.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**ARGUMENTATIVE DISCOURSE
IN SELECTED TAMIL NEWSPAPER**

By

THANALACHIME A/P PERUMAL

May 2015

Chairman : Associate Profesor Paramasivam Muthusamy, PhD
Faculty : Modern Language & Communication

This study focuses on the discourse of arguments used in the Tamil newspaper to discuss the issue of minority communities in the country. The main objectives of this study are to identify issues written in argumentative text and to discuss and compare the similarities and differences between the argumentative text. This text analysis was conducted on qualitative research. Data were analysed descriptively using the theoretical framework of van Dijk (2008a). A total of five current issues related to minority communities, namely the Lockup Death Issues, Problems of Indian Studies at the Department of Indian Studies, University of Malaya, Elections, Lembah Bujang Issues and Thaipusam festival, which are argumentatively taken as samples for this research. All these selected text were written by local authors of reputable Tamil newspapers, namely Tamil Nesan, Makkal Osai, Malaysia Nanban, and Thinakkural. These four newspapers are the main news spreader among the Indian community in this country. A total of 56 selected articles were randomly extracted from these particular newspapers from September 2012 to January 2014. The findings showed that although the theme of the text was the same, but there were similarities and differences in the way the discourse had been used by each author. The findings also indicated that the author used various discourses such as descriptive and narrative discourses, discussion and speech act to convey arguments. The usage of this discourse and structure also differed based on the author's purpose. In an argumentative text, the author approached the reader subjectively, which contradicted the characteristics of argumentative text passage. In addition, especially in Tamil Newspapers, writers do frequently use indirect speech to express one's opinion. The authors also tend to use metaphors to invite audience to think, to make comparisons in the concept of culture and language through flowery language. The use of figurative language and metaphors were rare in argumentative text as it demands arguments based on evidence. Hopefully this study would contribute to the field of discourse analysis and provide a platform to those who wish to explore this area in greater depth.

PENGHARGAAN

Saya amat bersyukur kepada Tuhan kerana dapat menyempurnakan tesis ini dalam masa yang ditetapkan. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada Profesor Madya Dr. Paramasivam Muthusamy atas bimbingan dan tunjuk ajar serta masa yang diluangkan sepanjang penyiapan tesis ini. Ucapan yang sama dituju khusus kepada Profesor Karunakaran Dr Krishnamoorthy dan Profesor Madya Dr Che Ibrahim Salleh.

Saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada Profesor Kannan Narayanan daripada UPM yang sentiasa membantu saya dalam menulis artikel dan sudi membincangkan serta memberikan motivasi kepada saya sepanjang pengajian ini. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada ketua editor akhbar Nanban, Thinakkural, Makkal Osai dan Tamil Nesan kerana memberikan kebenaran menggunakan teks penghujahan yang disiarkan dalam akhbar mereka. Tidak dilupai En.Mohanam (Makkal Osai), En Rajan (Thinakkural) dan Kumpulan Penulis Evukanai (Nanban) yang sudi membantu mengumpul data daripada surat khabar tempatan.

Sekalung budi dan penghargaan kepada bahagian Tajaan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia yang membenarkan saya cuti belajar. Ucapan terima kasih tidak terhingga juga ditujukan kepada semua pegawai di bahagian tajaan yang sering membantu menguruskan hal berkaitan perkhidmatan, cuti, dan sebagainya.

Tidak dilupai buat suami tersayang, Selvakumar a/l Iyakanoo dan kedua-dua anak saya, Ragulan Selvakumar dan Vinita Selvakumar, yang sentiasa membantu dan memahami situasi sewaktu saya sibuk menyiapkan kajian ini. Bantuan serta kesabaran kalian amat dihargai buat ibu dan ayah, Thangammal a/p Kalimuthu dan Perumal a/l Kundan, dan adik lelaki saya Vikneshwaran Perumal dan abang saya Kanapathy Perumal yang sentiasa mengambil berat terhadap anak-anak saya sewaktu saya sibuk. Sokongan moral yang diberikan oleh ahli keluarga saya dari semasa ke semasa sepanjang pengajian amatlah saya hargai.

Ucapan terima kasih dan penghargaan juga saya tujukan kepada semua rakan seperjuangan, khususnya Malarvizhi Sinayah dan Ponniammah Muniandy yang sentiasa bersama saya dalam apa juga keadaan yang saya harungi dan tempuhi. Tidak lupa kepada semua rakan yang membantu dalam menyiapkan tesis ini. Sesungguhnya, bantuan dan sokongan moral yang diberikan oleh rakan-rakan amatlah saya hargai.

Akhir sekali, saya merakamkan jutaan terima kasih kepada semua kakitangan Fakulti Bahasa Moden dan komunikasi dan mereka yang membantu saya secara langsung dan tidak langsung sepanjang proses pengajian saya. Sesungguhnya kalian semua ialah pemangkin kejayaan saya.

SALAM KASIH UNTUK SEMUA

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 13hb Mei 2015 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi **Thanalachime Perumal** bagi menilai tesis beliau yang bertajuk **Hujahan 'Luahan Rasa' dalam Surat Khabar Berbahasa Tamil**, mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah **Doktor Falsafah**.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Vijayaletchumy a/p Subramaniam, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Normaliza Abd. Rahim, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Abdul Rashid bin Daing Melebek, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Sababathy a/l Venugopal, PhD

Profesor Madya
Fakulti Satera dan Sains Sosial
Universiti Malaya
Malaysia
(Pemeriksa Luar)

ZULKARNAIN ZAINAL, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 3 Ogos 2015

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyelesaian adalah seperti berikut:

Paramasivam Muthusamy, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Che Ibrahim Salleh, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Karunakaran Krishnamoorthy, PhD

Profesor
Fakulti Bahasa dan Linguistik
Universiti Malaya
(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh :

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini ialah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini ialah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Thanalachime A/P Perumal, GS28238

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____
Nama Pengerusi : Paramasivam a/l Muthusamy
Jawatankuasa Penyeliaan

Tandatangan : _____
Nama Ahli : Che Ibrahim Salleh
Jawatankuasa Penyeliaan

Tandatangan : _____
Nama Ahli : Karunakaran a/l Krishnamoorthy
Jawatankuasa Penyeliaan

ISI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
PENGESAHAN	v
PERAKUAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
PANDUAN SEBUTAN	xiv
BAB	
1 PENDAHULUAN	
Latar Belakang Kajian	1
Sejarah Perkembangan Bahasa Tamil	3
Pendidikan Bahasa Tamil di Malaysia	5
Pendidikan Bahasa Tamil Selepas Merdeka	6
Bahasa Tamil Sebagai Bahasa Media	6
Sejarah Perkembangan Akhbar Tamil Nesan	7
Sejarah Perkembangan Akhbar Malaysia Nanban	7
Sejarah Perkembangan Akhbar Makkal Osai	8
Sejarah Perkembangan Akhbar Thinakkural	8
Pernyataan Masalah	9
Persoalan Kajian	9
Objektif Kajian	10
Batasan Kajian	10
Kepentingan Kajian	11
Definisi Operasional	12
Corak Wacana	12
Wacana	12
Luahan Rasa	13
2 SOROTAN LITERATUR	
Kajian Wacana secara Umum	14
Kajian Wacana Media (Surat khabar)	19
Kajian Wacana dalam Teks Hujahan	24
Perkaitan antara Kajian ini dengan Kajian Terdahulu	31
3 METODOLOGI KAJIAN	
Reka Bentuk Kajian	33
Kerangka Teori	33
Teori Kognitif van Dijk (2008a)	34
Teori Kohesi Halliday Hasan (<i>Cohesion in English, 1976</i>)	36
Kerangka Konseptual	39
Kaedah Kajian	40
Bahan Kajian	40

Tatacara Kajian	48
Kajian Rintis	48
Kajian Sebenar	49
Penganalisan Data	50
4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN	
Isu Semasa Melalui Hujahan ‘Luahan Rasa’	51
Hujahan ‘Luahan Rasa’	61
Corak Wacana Penceritaan	62
Corak Wacana Deskriptif	68
Corak Wacana Perbincangan	76
Corak Wacana Lakuan Tutur	82
Persamaan dan Perbezaan Hujahan ‘Luahan Rasa’	98
Rasional Teori dengan Dapatan Kajian	105
Implikasi Dapatan Kajian	108
5 RUMUSAN DAN CADANGAN	
Rumusan	112
Cadangan	114
Cadangan Kajian Selanjutnya	115
BIBLIOGRAFI	116
LAMPIRAN	
A - Isu 1 Kematian dalam Lokap	129
B - Isu 2 Pilihan raya	132
C - Isu 3 Isu Jabatan Pengajian India di Universiti di Malaya	136
D - Isu 4 Isu Candi di Lebah Bujang, Kedah	139
E - Isu 5 Perayaan kedudayaan – Thaipusam	142
F - Surat Kebenaran	146
BIODATA PELAJAR	149
SENARAI PENERBITAN	150

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
1. Karya Zaman Sanggam	4
2. Elemen Wacana van Dijk (2008a)	35
3. Judul/Topik/Tema Isu	40
4. Isu Kematian dalam Lokap	52
5. Pilihan raya	53
6. Isu Jabatan Pengajian India di Universiti Malaya	55
7. Isu Perayaan Kebudayaan	56
8. Isu Candi di Lembah Bujang Kedah	57
9. Ciri Struktur Penceritaan /Naratif	64
10. Ciri Wacana Deskripsi	71
11. Ciri Wacana Perbincangan	77
12. Jenis Ayat	83
13. Struktur Pemahaman Holistik	90
14. Istilah Khusus Mengikut Isu	94
15. Frasa Kreatif yang Direka	95
16. Kuantiti Teks Masalah Jabatan Pengajian India	101
17. Elemen Organisasi Teks Mengikut Penulis	103
18. Perbezaan Peletakkan Pernyataan Isu	105

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1.	Teori Kognatif van Dijk (2008a)	34
2.	Teori Kohesi Halliday Hasan (Cohesion in English, 1976)	37
3.	Corak Hujahan	38
4.	Kerangka Konseptual	39
5.	Kronologi Wacana Naratif Media (Silvia, <i>et.al.</i> , 2004)	66
6.	Kerangka Teori	106



SENARAI SINGKATAN

B	-	Backing
C	-	Claim
DSIB	-	Dom Sumurup Ing Bangyu
MIC	-	Malaysian Indian Congress
MQ	-	Model Qualifier
PATI	-	Pendatang Tanpa Izin
THF	-	Yayasan Warisan Tamil (<i>Tamil Heritage Foundation</i>)
TRM	-	Tutur Ritual Manenung
UPM	-	Universiti Putra Malaysia
UPSI	-	Universiti Pendidikan Sultan Idris
USM	-	Universiti Sains Malaysia
W	-	Warrant



PANDUAN SEBUTAN TULISAN TAMIL

Vokal			
Pendek		Panjang	
அ	a	ஆ	aa
இ	i	ஈ	ii
உ	u	ஊ	uu
எ	e	ஏ	ee
ஓ	o	ஔ	oo

Diftong	
ஐ	ai
ஔ	au

Konsonan					
Keras		Lembut		Sederhana	
க்	k/g/h	ங்	ng	ய்	Y
ச்	c/s/j	ஞ்	ny	ர	R
ட்	t/d	ண்	N	ல்	L
த்	Th	ந்	n	வ்	V
ப்	b/p	ம்	m	ழ்	Z
ற்	R	ன்	n	ள்	L

Tulisan Grantha	
ஜ்	j
ஹ்	h
ஸ்	sh
ஷ்	sy
கஷ்	ksh
ஸ்ரீ	sri

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



BAB 1

PENDAHULUAN

Latar Belakang Kajian

Bab ini membincangkan latar belakang yang menjadi dasar kajian ini. Bab ini juga membincangkan pernyataan masalah, tujuan kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasional konsep tertentu yang ditemukan dalam kajian ini.

Bahasa merupakan salah satu ciptaan manusia yang tidak ternilai. Tanpa bahasa kita tidak dapat mengenali manusia (Karunakaran, 2010). Tanpa bahasa, dunia akan sunyi. Bahasa menunjukkan peradaban manusia. Hal ini dikatakan demikian kerana pada dasarnya bahasa digunakan oleh manusia untuk meluahkan perasaan dan bertukar-tukar pendapat (Arulsevram, 2010). Selepas ciptaan tulisan, bahasa memberikan pelbagai manfaat. Hal ini dibuktikan oleh beberapa pengkaji bahasa dengan mengatakan bahawa melalui bahasa seseorang dapat mengenali sejarah, politik, sastera, dan budaya sesuatu bangsa (Paramasivam & Kurinjivendan, 2012).

Menurut Siti Khairah Mohd. Zubir (2010), bahasa ialah akar budaya dan peradaban bagi semua bangsa di dunia. Hal itu dapat difahami dengan mengetahui hakikat dan peranan bahasa sebagai wadah untuk membina negara dan menyatupadukan rakyat. Bahasa juga berperanan sebagai wasilah pembentukan dan pewarisan kebudayaan sesuatu bangsa. Bahasa memainkan dua peranan yang utama, iaitu bahasa sebagai cabang ilmu dan bahasa sebagai wahana penyebaran ilmu kepada manusia (Siti Khairah Mohd Zubir, 2010).

Karunakaran (2011) juga mempunyai pandangan yang sama seperti pendapat kedua-dua tokoh di atas tentang bahasa. Beliau mengatakan bahawa bahasa merupakan identiti masyarakat dan kebudayaan, bahasa mempunyai kuasa dan bahasa juga mempunyai unsur komunikasi dan wadah bagi karya tulisan.

Jayadevan (2011), pula mengatakan bahawa bahasa mempunyai fungsi yang luas serta mampu digunakan dalam semua bidang mengikut kehendak penggunanya. Menurutnya lagi, bahasa bersifat dinamik, iaitu bahasa boleh berubah berdasarkan keperluan penggunanya.

Bahasa merupakan seni kolektif terbesar yang diketahui manusia. Sesuatu bahasa berkembang mengikut perubahan zaman penuturnya. Perkembangan bahasa merupakan proses yang berterusan, yang adakalanya si penutur sendiri tidak memahaminya (Nirmala, 2010). Proses perkembangan bahasa bermula dari zaman generasi tua ke zaman generasi muda, dan perubahan ini bergantung pula pada struktur sosiobudaya (Thevaneya Pavanar, 1990).

Asmah Hj. Omar (1986), mengatakan bahawa bahasa amat penting sebagai alat komunikasi atau alat perhubungan sosial antara manusia dalam kehidupan harian. Menurut beliau, bahasa yang digunakan semestinya merupakan lambang yang

mengaitkan maksud atau fikiran manusia dengan sesuatu benda yang konkrit ataupun abstrak agar pengguna bahasa dapat memahami perkara yang dituturkan.

Pada zaman dahulu, manusia menggunakan isyarat untuk berkomunikasi antara satu sama lain. Kemajuan telah mewujudkan bahasa sebagai alat komunikasi. Bahasa berubah mengikut negara dan bangsa. Bahasa identiti bangsa. Tanpa bahasa, sesuatu bangsa tidak dapat berfungsi (Nirmala, 2010). Tanpa bahasa, sesuatu bangsa kehilangan fungsinya. Bahasa merupakan alat komunikasi yang dapat menghubungkan masyarakat pelbagai bangsa. Melalui bahasa, masyarakat dapat bertukar pandangan. Ahli bahasa berpendapat bahawa bahasa bersifat dinamik, iaitu bahasa dapat berkembang selaras dengan perkembangan bangsanya (Karunakaran & Supramanian, 2009).

Daripada pendapat para sarjana bahasa, dapatlah dirumuskan bahawa bahasa memainkan peranan penting sebagai alat penyampai maklumat semasa proses komunikasi antara manusia. Justeru, bahasa dan manusia tidak dapat dipisahkan. Hal ini demikian, kerana bahasa merupakan simbol bunyi yang harus diketahui oleh setiap masyarakat dalam proses komunikasi sosial setiap hari. Oleh itu, kajian tentang bahasa perlu dilakukan untuk membuat perubahan yang wajar dalam bidang tertentu selaras dengan perkembangan dan keperluan pengguna bahasa itu sendiri.

Bidang kajian analisis wacana diperkenalkan oleh Labov pada penghujung dekad 1960-an dan awal dekad 1970-an (Asmah Haji Omar, 1980a). Pada masa itu, bidang ini tidak begitu menarik minat ahli linguistik kerana pada masa itulah aliran linguistik transfomatif generatif yang dipelopori oleh Chomsky begitu berpengaruh dan menguasai bidang kajian linguistik (Idris Aman, 2010).

Peredaran masa menyebabkan peralatan linguistik mula menunjukkan minat terhadap bidang ini. Justeru, analisis wacana berkembang pesat mulai 1970-an (Bahtiar Omar, 2012). Pada masa inilah pelbagai teori, modal dan kaedah analisis wacana dihasilkan oleh ahli bahasa yang berminat dalam bidang ini (van Dijk, 1985). Ia kemudiannya berkembang pesat sebagai salah satu cabang ilmu yang terangkum dalam disiplin linguistik (Sanat Md Nasir, 1992).

Menurut Bahtiar Omar (2012), analisis wacana di Malaysia berkembang dan menarik perhatian para pengkaji bahasa sejak 1980-an. Hal ini terbukti berdasarkan pelbagai jenis tulisan seperti artikel, latihan ilmiah, tesis, buku dan disertasi yang telah dihasilkan. Di negara ini, Asmah Haji Omar dan Sanad Md Nasir adalah antara tokoh terawal menggunakan istilah wacana dalam kajian mereka (Idris Aman, 2006). Selain itu, beberapa tokoh yang berminat dalam bidang ini dan terus menulis dalam bidang ini ialah Azhar M. Simin, Wong Khek Seng dan Idris Aman.

Universiti tempatan mula mengendalikan kursus berkaitan analisis wacana. Berikutan dengan itu, dalam 1980-an dan 1990-an, bidang ini berkembang pesat dan mendapat perhatian para pengkaji untuk memperoleh sarjana mahupun ijazah kedoktoran. Kebanyakan hasil kajian yang dihasilkan adalah berkaitan nahu wacana (Idris Aman, 2010). Dalam kebanyakan tesis, pelbagai kaedah dan kerangka teori wacana digunakan untuk menganalisis data. Kini, bidang analisis wacana semakin popular dan para pengkaji telah mempelbagaikan kajian dalam bidang ini (Bahtiar Omar, 2012). Keadaan ini dapat dibuktikan daripada penghasilan pelbagai penulisan ilmiah yang kian

bertambah dalam bentuk artikel, kertas persidangan, buku, disertasi dan tesis PhD (Idris Aman 2006).

Sejarah Perkembangan Bahasa Tamil

Ahli linguistik yang mengkaji bahasa dunia mengkategorikannya dalam 11 keluarga utama. Daripada 11 keluarga bahasa tersebut, bahasa Dravida terletak di tempat keempat. Bahasa Tamil tergolong dalam bahasa Dravida (Agosthialingam, 2007).

Berdasarkan penemuan ahli linguistik, terdapat lebih daripada 7,000 bahasa di dunia ini. Namun demikian, hanya 3,000 bahasa yang mempunyai nilai sastera dan tatabahasanya sendiri. Daripada 3,000 bahasa ini, hanya 250 hingga 300 bahasa dikenali dalam kalangan masyarakat dunia (Agasthialingam, 2007). Daripada 300 bahasa tersebut, hanya enam bahasa yang dikenal pasti oleh pihak UNESCO sebagai mempunyai sejarah lebih daripada 2000 tahun. Enam bahasa tersebut ialah bahasa Tamil, Latin, Sanskrit, Greek, Cina dan Hibru (Mustaffa, 2007). Bahasa Latin dan Hibru tidak digunakan lagi dan dianggap sebagai bahasa mati. Namun demikian, kerajaan Greek gigih berusaha untuk memulih serta menghidupkan kembali bahasa Latin dan Hibro. Bahasa Sanskrit pula hanya digunakan bagi tujuan keagamaan dan tidak digunakan dalam perbualan mahupun sebagai bahasa media. Dalam senarai bahasa klasik, hanya bahasa Cina dan bahasa Tamil kekal dan dituturkan sehingga sekarang di serata dunia. Hal ini menyebabkan bahasa Tamil dianggap sebagai bahasa klasik (Mustaffa, 2007). Satu lagi bukti yang menyokong pendapat bahawa bahasa Tamil adalah antara bahasa tertua ialah penemuan teks 'Tolkaappiyam' yang merupakan teks terawal dalam bahasa Tamil, yang masih wujud sehingga sekarang. Tholkapiya merupakan sebuah karya puisi nahu tatabahasa bahasa Tamil yang mantap dan dipercayai ditulis pada 500 Masehi. Ahli linguistik berpendapat bahawa sesuatu bahasa seharusnya sudah wujud untuk tempoh 1000 tahun sebelum ia dapat menghasilkan kerangka tatabahasa yang mantap (Parantamanar, 2010). Di samping itu, 'Purananuru' merupakan satu lagi manuskrip keropak (daun palma) yang ditemukan dalam bahasa Tamil. Buku ini merupakan koleksi puisi yang memperihalkan kisah pemerintah (raja), kehidupan rakyat biasa, dan adat resam sosiobudaya masyarakat Tamil pada zaman tersebut. Selain itu, *Thirukkural* yang dianggap veda Tamil yang ditulis oleh penyajak teragung Thiruvalluvar juga ditulis pada kurun ke-15. Seterusnya, koleksi sajak pendek *Pattupaattu* (sepuluh sajak) dan *Ettuttokai* (lapan antologi) juga membuktikan bahawa bahasa Tamil mempunyai sejarah sastera klasik. Tema karya ini menceritakan kemantapan pemerintahan, peperangan serta cinta. Karya yang bertemakan cinta diceritakan dalam lima 'land scapes' yang dinamakan ஐந்திணைகள் (Kulanthaisamy, 2007).

Menurut Bakiamary (2011) bahasa Tamil juga mempunyai tradisi literasi yang berterusan bagi tempoh yang lama berbanding dengan bahasa lain di dunia amnya, serta dalam rumpun bahasa Dravida khususnya. Hal ini demikian, kerana pada zaman dahulu raja yang menguasai Tamil Nadu amat mementingkan penghasilan karya sastera. Justeru, banyak karya sastera dihasilkan oleh para karyawan tempatan di India semasa zaman pemerintahan beraja di India Selatan. Karya bahasa Tamil diwujudkan oleh pemerintahan beraja pada zaman tersebut dengan kerjasama para sarjana bahasa Tamil. Zaman ini juga dikenali sebagai *zaman Sanggam*. Pemerintah atau raja dianggap sebagai sarjana bahasa yang begitu menghargai atau menyanjungi karya bahasa Tamil

yang bermutu dan bernilai (Varatharacan,1989). Jadual 1 menunjukkan karya zaman Sanggam.

Jadual 1: Karya Zaman Sanggam

Karya Sanggam pertama	Karya Sanggam kedua	Karya Sanggam ketiga
ParipaaTal	Kaali	NeTunthokai
Muthunaarai	Kurugu	NaanuuRu
Muthukuruku	Vendaali	Patitrupattu
Kalariyaavirai	Viaalamaalai Agaval	Kurunthokai
	Tholkaappiam	Kali, Paripaadal

(Sumber : Agosthialingam, 1977)

Justeru, zaman Sanggam dianggap sebagai zaman keemasan bagi perkembangan bahasa Tamil. Malangnya, kebanyakan karya agung ini musnah atau pupus disebabkan kemiskinan, kebuluran, bencana alam, pengaruh politik, perubahan kuasa pemerintahan, perbezaan agama, dan sebagainya. Namun demikian, bukti kewujudan karya pada zaman Sanggam ini tercatat dalam kebanyakan karya sastera yang ditulis selepas zaman Sanggam (Varatharacan,1989).

Selepas kejatuhan zaman Sanggam, India selatan dijajah oleh orang Kalapirar dari negeri Karnadaka. Oleh itu, zaman ini dikenali sebagai zaman Kalapirar. Ada sarjana yang menganggap zaman ini sebagai zaman kegelapan, walaupun ada yang menyangkalnya. Pada zaman ini, kebanyakan karya mementingkan nilai moral yang diterapkan dalam karya mereka. Pada zaman ini, karya teragung yang dihasilkan adalah *thirukuRal* (Bakiamary, 2011).

Seterusnya, zaman Kalapirar, India Selatan dijajah oleh puak atau orang Pallavar selama hampir 300 tahun Semasa pemerintahan mereka atau zaman Pallavar, karya berunsurkan kepercayaan kepada tuhan diutamakan. Epik Ramayana dan Mahabaratha ditulis dalam zaman ini. Selepas zaman Pallavar, bahasa Tamil terus dikembangkan oleh Raja Choola, Raja Vijaya Varman, Dinasti Nayakkar Orang Marattiar dan juga mubaligh Kristian (Bakiamary, 2011).

Menurut Varatharacan (1989), pada kurun ke-19, gaya bahasa dan cara penyampaian bahasa Tamil mengalami perubahan besar selepas kedatangan British ke India. Kedatangan mubaligh dan ahli linguistik barat ke India telah mengubah corak penulisan bahasa Tamil daripada bentuk puisi kepada bentuk prosa. Pada 1577 SM, usaha mencetak puisi atau sebarang hasil karya dalam tulisan bahasa Tamil dimulakan. Pada masa itu, percetakan dikuasai oleh mubaigh Kristian. Hanya pada kurun ke-18

masyarakat India berpeluang mencetak buku. Selepas munculnya mesin cetak, banyak perubahan telah berlaku dalam perkembangan penulisan di India. Antara perubahan yang telah berlaku selepas kedatangan barat adalah seperti yang berikut:

- a. Perubahan dalam bentuk penulisan, iaitu daripada bentuk puisi kepada prosa
- b. Perkembangan dalam bidang penterjemahan / menterjemah karya kesusasteraan bahasa Tamil
- c. Perubahan dalam huruf bahasa Tamil
- d. Penghasilan buku baharu dalam tatabahasa, kesusasteraan, dan agama
- e. Penerbitan majalah dan surat khabar
- f. Pengumpulan dan penerbitan tatabahasa Tamil kuno, lagu rakyat (folk songs), peribahasa, dan sebagainya (Varatharacan, 1989)

Mubaligh Kristian yang menulis prosa berkaitan agama mereka menjadi panduan bagi penghasilan prosa dalam bahasa Tamil. Menurut Bakiamary (2011), Beschi, seorang mubaligh kristian ialah orang pertama yang menulis cerita Tamil bertajuk *Paramartha Guru Kathaikal* dalam bentuk prosa yang muda difahami oleh rakyat biasa. Karya inilah yang menjadi panduan dan memberikan gaya baharu kepada dunia penulisan bahasa Tamil di India (Bakiamary, 2011).

Para penulis mula menghasilkan karya berbentuk perbualan, drama, dialog, novel, dan cerpen. Perubahan ini disebabkan oleh pengaruh karya bahasa lain seperti bahasa Inggeris, Rusia, Jerman dan sebagainya. Perubahan gaya penyampaian seperti ini telah melahirkan banyak pengarang, walaupun hasil karya mereka tidak setanding zaman sebelum ini (Dhandayutham, 1973). Rakyat biasa mula membaca karya yang dihasilkan kerana mesej yang disampaikan mudah difahami dalam bentuk prosa berbanding dengan karya puisi pada zaman sebelum ini. Hal ini menyebabkan penulis dan pembaca bahasa Tamil mulai bertambah secara mendadak dalam kurun ini berbanding dengan kurun sebelumnya (Varatharacan, 1989).

Pendidikan Bahasa Tamil di Malaysia

Di Malaysia, sebelum merdeka, pendidikannya bercorak tidak rasmi (*non formal*). Bahasa Tamil mula diajar di Malaya pada 1816, iaitu di Penang Free School (Supramani, 2007). Namun demikian, selepas dua tahun, kelas bahasa Tamil ini terpaksa ditutup kerana tidak mendapat sambutan yang menggalakkan. Pada 1850, sebuah sekolah Tamil telah dibina di Melaka, dan selepas itu muncul sebuah lagi, di Sentul Kuala Lumpur (Dhandayutham, 1973). Pada kurun ke-18, hanya ada beberapa buah sekolah Tamil dibina di Malaya kerana sambutan daripada kaum India kurang menggalakkan. Pada kurun ke-19, banyak pendatang India dibawa masuk oleh British untuk bekerja di ladang teh, tebu, kelapa, getah dan kopi. Pada masa inilah beberapa sekolah Tamil wujud di Seberang Perai, Negeri Sembilan, Selangor, Perak dan Johor Utara. Pada masa itu, bahasa Tamil hanya diajar pada peringkat sekolah rendah secara tidak rasmi. Semua perbelanjaan bagi pendidikan bahasa Tamil ditanggung oleh pengurusan ladang. Sebelum Merdeka, semua sekolah Tamil menggunakan sukatan bahasa Tamil berasaskan negara India. Tenaga pengajar juga didatangkan dari negara India. Terdapat juga yang menggunakan khidmat mandur atau *kanggani* ladang getah sebagai pengajar di sekolah Tamil (Supramani, 2007).

Selepas perang dunia kedua, kerajaan lebih mementingkan pengajaran bahasa ibunda. Selepas pelaksanaan Rang Undang-undang Pelajaran 1946 bahasa ibunda diajar secara percuma. Menurut Utaman (2009), terdapat dua jenis sekolah yang ditubuhkan dalam pendidikan di negara ini, iaitu pertama sistem sekolah yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan kedua, di sekolah yang terdapat 15 orang murid atau lebih yang ingin mempelajari bahasa ibunda mereka sama ada bahasa Cina atau bahasa Tamil disediakan.

Pendidikan Bahasa Tamil Selepas Merdeka

Selepas merdeka, pendidikan bahasa Tamil di Malaysia telah mengalami perubahan yang besar. Bahasa Tamil menjadi bahasa pengantar di semua sekolah Tamil. Sukatan bahasa Tamil digubal bersesuaian dengan keadaan negara Malaysia. Tenaga pengajar terdiri daripada guru yang dilatih khusus di maktab perguruan tempatan. Kini, terdapat enam buah maktab perguruan yang melatih guru bahasa Tamil di Malaysia (Krishnan, 2010).

Di Malaysia, bahasa Tamil diajar sebagai bahasa ibunda di sekolah menengah sehingga tingkatan enam. Pelajar juga diberi kebebasan mengambil Sastera Tamil sebagai mata pelajaran elektif untuk peperiksaan awam Sijil Pelajaran Malaysia. Pada peringkat university pula, khususnya di Universiti Malaya, terdapat Jabatan Pengajian India yang menawarkan kursus berkaitan bahasa Tamil bagi pelajar yang ingin meneruskan pengajian dalam bahasa Tamil. Selain itu, Fakulti Bahasa dan Linguistik juga menawarkan beberapa kursus bahasa Tamil bagi pelajar yang berminat melanjutkan pengajian dalam bahasa ibunda, iaitu bahasa Tamil. Di Universiti Putra Malaysia dan di Universiti Kebangsaan Sabah, bahasa Tamil diajar sebagai kursus elektif (Supramani, 2007).

Bahasa Tamil sebagai Bahasa Media di Malaysia

Selain bidang pendidikan, peranan media massa dalam menyebarkan dan mengembangkan bahasa Tamil tidak dapat dinafikan. Bidang penyiaran seperti Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) turut memainkan peranan penting dalam usaha mengembangkan bahasa dan budaya masyarakat India di Malaysia. Saluran minnal FM dan THR raga ialah dua saluran radio yang menggunakan bahasa Tamil sepenuhnya. Bagi masyarakat India di Malaysia, kedua-dua saluran radio ini merupakan sumber penting untuk menerima maklumat dan hiburan (Kalaiselvi, 2012). Di samping itu, RTM dan TV3 turut menyiarkan rancangan tertentu dalam bahasa Tamil. Astro Vanavil merupakan saluran televisyen swasta yang menyiarkan program dalam bahasa Tamil selama 24 jam setiap hari. Kebanyakan program yang disiarkan dalam Astro Vanavil diimport dari India.

Selain radio dan televisyen, masyarakat India juga berpeluang meningkatkan penguasaan bahasa ibunda mereka melalui surat khabar. Menurut Karthigesu (2010) surat khabar pertama, '*Thanggai*' dicetak dan dikeluarkan pada tahun 1876 menjadi titik permulaan bagi perkembangan prosa Tamil di Malaysia. Di Malaysia, terdapat empat naskah surat khabar harian dalam bahasa Tamil, iaitu 'Tamil Nesan', 'Malaysia Nanban', 'Makkal Osai' dan 'Thina Kural' dan 'Nam Naadu'. Selain ini, terdapat

pelbagai majalah mingguan dan bulanan bahasa Tamil dari dalam dan luar negara (Agitha, 2004).

Sejarah Perkembangan Akhbar Tamil Nesan

Tamil Nesan merupakan akhbar Tamil yang pertama dan masih dikeluarkan sehingga sekarang. Narasimha Iyengar ialah pelopor akhbar Tamil Nesan (Dhandayutham, 1982). Surat khabar ini diterbitkan pada 10 September 1924 sebagai akhbar mingguan pada setiap hari Rabu (Agitha, 2004). Akhbar ini, kemudiannya diterbitkan dua kali seminggu dan akhirnya tiga kali seminggu. Semasa pendudukan Jepun, penerbitan akhbar ini masih diteruskan tetapi bilangan muka surat hanya terhad kepada empat helai (Krishnan, 1988). Selepas pendudukan Jepun, syarikat akhbar ini dijual kepada seorang pengusaha Cina, yang kemudiannya dijual pula kepada Mayandy Chettiar dan Palaniappa Chettiar. Sejak itu, kedudukan kewangan syarikat akhbar ini terjamin kerana dikuasai oleh kaum Ceti (Dhandayutham, 1982).

Pada 1982, Indrani Samy Vellu, telah membeli majoriti saham dalam Syarikat Tamil Nesan, dan beliau dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Urusan Akhbar Tamil Nesan (Dhandayutham, 1982). Sejak itu, akhbar ini mempunyai sokongan kewangan dalam bentuk iklan dan para pelanggan yang menyokong Malaysian Indian Congress (MIC) khususnya Samy Vellu dan secara tidak langsung kerajaan mempengaruhi akhbar ini. Akhbar ini dicetak dan diedarkan di Kuala Lumpur dan ke seluruh negeri di Semenanjung Malaysia (Tamilvanan, 1987).

Sejarah Perkembangan Akhbar Malaysia Nanban

Surat khabar ini diterbitkan pada 1 Mei 1981 dan dikenali sebagai Tamil Osai, dan dimiliki sepenuhnya oleh Sivalingam (Tamilvanan, 1987). Pada 1984, untuk memperbesar pemegangan syarikat, maka saham syarikat ini dikongsi oleh beberapa pembeli saham Balakrishnan, bekas Pengarah Asia-Pacific for Broadcasting Development (AIBD) telah dilantik menjadi pengerusi Lembaga Pengarah Syarikat Tamil Osai (Krishnan, 1988).

Dalam tempoh 1984 hingga 1988, saham kepunyaan Sivalingam telah dikurangkan sehingga 5%. Pada 1988, disebabkan K. Sivalingam bergiat aktif dalam politik, maka pemegang saham memaksa beliau meletak jawatan. Sivalingam mengemukakan aduan kepada Mahkamah Tinggi supaya penerbitan dan operasi akhbar Tamil Osai dihentikan (Krishnan, 1988). Akibatnya, penerbitan akhbar Tamil Osai dihentikan operasinya. Tamil Osai beroperasi semula pada April 1990 dengan nama Malaysia Nanban. Semasa di bawah pentadbiran Encik Aathi Kumanan, penerbitan akhbar ini terpaksa dihentikan beberapa kali atas sebab yang tidak dapat dielakkan (Krishnan, 1988). Namun, kini Malaysia Nanban merupakan salah satu surat khabar bahasa Tamil yang utama di Malaysia.

Sejarah Perkembangan Akhbar Makkal Osai

Syarikat Akhbar Makkal Osai ditubuhkan dan memulakan operasinya pada Disember 2005, Penubuhan syarikat ini mendapat sokongan daripada Subramaniam, bekas Timbalan Presiden Malaysian Indian Congress (MIC). Walau bagaimanapun, disebabkan kritikan secara terbuka kepada Samy Vellu (mantan Presiden MIC) berhubung dengan isu pelaburan MAIKA Holding, maka permit penerbitan akhbar ini tidak diperbaharui pada 2008 (Krishnan,1988). Namun demikian, permit penerbitan diperoleh semula pada 24 April 2008, setelah rayuannya diterima oleh pihak kerajaan Sunther Subramaniam dilantik sebagai penasihat dan Encik M. Rajan sebagai ketua pengarang (Ajita, 2004).

Sejarah Perkembangan Akhbar Thinakkural

Thinakkural memulakan operasinya sebagai salah satu akhbar baharu di negara ini (Ajita, 2004). Akhbar ini mula beroperasi pada 9 Februari 2012 dan merupakan antara syarikat akhbar terbaharu di Malaysia. Arul kumar dilantik sebagai ketua pengarah syarikat dan Rajan yang mempunyai pengalaman selama 34 tahun dalam bidangewartawanan dilantik selaku ketua pengarang. Dari segi jumlah keluaran, secara puratanya, 31,000 naskah dikeluarkan setiap hari. Pada 2012, syarikat ini mencatat jualan terbanyak berbanding dengan syarikat surat khabar Tamil yang lain.

Akhbar dan Peranannya

Menurut Sharil Nizam Sha'ri (2010), fungsi akhbar adalah sebagai alat penyampai maklumat kepada masyarakat. Sejarahewartawanan dan perkembangan media massa berkait rapat dengan usaha manusia mencari kebebasan diri dengan menyalurkan idea dan pandangan mereka kepada orang ramai. Surat khabar memainkan peranan penting sebagai tempat bagi rakyat mengemukakan idea mereka. Di Malaysia, surat khabar merupakan media cetak utama (Barber, 2005).

Di negara membangun seperti di Malaysia, akhbar memainkan peranan utama dan wartawan seperti golongan profesional yang memikul tanggungjawab berat. Hal ini kerana, akhbar harus memastikan bahawa kegiatan mereka tidak bercanggah dan tidak mengganggu arus pembangunan sesebuah negara. Oleh itu, sebarang penulisan sama ada berita, rencana ataupun laporan yang disiarkan dalam akhbar hendaklah mempunyai objektif, tidak berat sebelah serta tidak menimbulkan kekecohan dalam kalangan rakyat (van Dijk, 1988).

Sesuatu akhbar juga harus menjadi medium bagi rakyat untuk menimbulkan kesedaran terhadap sesuatu isu. Oleh yang demikian, sesuatu berita yang dimuatkan dalam akhbar haruslah benar, bermakna dan dapat menarik perhatian para pembaca. Hal ini kerana maklumat yang diberikan oleh akhbar seharusnya membuatkan rakyat berfikir secara waras dan kritis (van Dijk, 1988).

Pernyataan Masalah

Hasil daripada penelitian penyelidikan lampau terhadap bidang wacana bahasa Tamil di Malaysia, didapati bahawa kajian ilmiah masih kurang (Karunakaran & Supramani,

2009). Kebanyakan kajian bidang wacana yang dijalankan hanya tertumpu pada analisis wacana unsur tautan dalam penulisan karangan pelajar (Idris Aman. 2006). Kajian yang sedia ada dalam bidang wacana ini hanya melihat wacana secara dasar, iaitu menghuraikan perawakan linguistik dan bentuk wacana seperti nahu, pautan, dan strategi wacana. Keadaan ini mewujudkan lompang, dan masih ada ruang yang belum diterokai dalam bidang wacana, khasnya dalam bahasa Tamil (Shanmugam, 2002). Keadaan ini mendorong pengkaji meneroka bidang ini.

